



## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 26 RABU 28 JUN, 1967. رابو 20 ربيع الاول 1387 PERCHUMA

# Pemangku Setia Usaha Kerajaan Iancharkan Minggu Pelajaran

**BANDAR BRUNEI**—Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Mohamed Taib bin Awang Besar telah melancharkan Minggu Pelajaran Melayu dengan satu siaran melalui Radio Brunei pada hari Ahad lepas.

Dato Paduka Mohamed Taib berkata, minggu pelajaran bermula 25 Jun dan akan berakhir pada 29 Jun.

Minggu pelajaran di-maksudkan bukan hanya untuk menunjukkan kerja2 murid2 sekolah tetapi juga untuk memberikan kepada ibu bapa dan penjaga kanak2 itu peluang bagi membuat penaksiran tentang kemajuan anak2 mereka di-bangku sekolah.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah menggesa ibu bapa supaya memerhati kerja2 anak2 mereka. Jika mereka lihat apa saja yang mereka anggap tidak memuaskan, maka ia-nya hendaklah di-jadikan satu persoalan perkara itu di-bincangkan sa-chara berbaik2 dengan para guru untuk menchari perbaik-an.

Dato Paduka Mohamed Taib berkata, kerajaan ada-lah sedar tentang tanggung jawab nya kaarah perkembangan pelajaran dan telah mengadakan semua kemudahan.

Kerajaan telah membena sekolah2 di-kawasan2 yang mempunyai kanak2 yang memerlukan pelajaran dan mengadakan kemudahan2 bagi kanak2 masuk ka-sekolah menengah yang lebeh besar.

Sementara itu, pada hari Ahad yang lalu sambutan Minggu Pelajaran itu telah di-rayakan di-sekolah2 Melayu seluruh negeri sa-chara serentak dengan mengadakan berbagai2 acara di-sekolah masing2.

Kebanyakan sekolah2 di-kampong2 telah mengadakan acara2 peraduan2 yang bukan hanya di-khaskan untuk murid2 sekolah bahkan juga kepada orang2 kampong seperti peraduan anyaman2, sulam menyulam, masakan dan pertukangan tangan.

Mereka telah menunjukkan kegembiraan dan menganggap

hari sambutan itu sa-bagai hari yang istimewa bagi ibu bapa dan anak2 mereka.

Kebanyakan ibu bapa dan penjaga2 murid mengambil peluang ke-emasan itu dan telah mengemukakan beberapa persoalan dan kemuskilan anak2 mereka dalam menghadapi pelajaran di-sekolah.

Guru2 yang bertugas di-beberapa buah sekolah telah mengangap persoalan2 yang di-kemukakan itu sa-bagai satu petunjuk yang baik pada memberikan kerjasama bagi kemajuan pelajaran anak mereka.

Guru2 tersebut telah memberi penerangan2 tentang keadaan anak2 mereka sa-masa menjalani pelajaran di-sekolah dan mereka juga telah membentangkan kelemahan2 yang di-hadapi oleh anak2 mereka.

Di-Sekolah Melayu Daerah Belait sambutan itu telah berjalan dengan baik, walau pun daerah itu mengadakan sambutan besar Hari Keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. pada hari yang sama.

Yang Berhormat Penolong Menteri Pertanian, Pengiran



Y. B. Dato Paduka Md. Taib

Damit bin Pgn. Sunggoh telah merasmikan pembukaan sambutan tersebut, sementara di-Sekolah Melayu Mohammad Alam, Seria pembukaan rasminya telah di-lakukan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pgn. Haji Ismail.

Sempena sambutan itu sa-buah sekolah Melayu di-Khemah Askar Melayu Di-Raja Brunei telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Yang Berhormat Penolong Menteri Pelajaran, Orang Kaya Pekerma Dewa, Awg. Lukan bin Uking pada petang hari Ahad lepas.

## PENGURNIAAN BINTANG DAN PINGAT2

**LONDON.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah mengadakan satu istiadat pengurniaan bintang dan pingat2 kebesaran Brunei yang di-langsungkan di-Grosvenor House, London pada 21 Jun yang lalu.

Dalam istiadat itu, Baginda telah mengurniakan Bintang Kebesaran Darjah Seri Laila Jasa, Darjah Ketiga kepada Major John Weir.

Baginda telah juga memberikan penghormatan kepada tujuh orang yang lain dalam istiadat pengurniaan itu dengan mengurniakan pingat perjuangan darjah pertama.

Mereka itu ia-lah Datin Phyllis Doreen Franks, Miss Barbara Berthoud, Dato Seri Utama Sir Dennis White, Dato Seri Pahlawan Allen Neil Outram, Dato Setia Idris Talog Davies, Awang Jevaratnam dan Awang Alister Kerr Lindsay.

## PENJELASAN

DYMM

MENGENAI

BERITA

YANG

SALAH

**BANDAR BRUNEI**—Juru-chakap kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-London telah memberikan penjelasan mengenai beberapa kesalahan dalam berita dari satu temu ramah yang telah di-perkenankan oleh Baginda di-Vancouver pada bulan lepas.

Berita Reuter mengenai temu ramah itu telah di-terbitkan oleh akhbar Daily Star dan penerbitan Melayu-nya, Bintang Harian pada 15 Mei.

Juruchakap itu berkata, para 6 dalam berita Bintang Harian ada-lah tidak betul.

## KONFRANTASI

Menurut juruchakap itu, Baginda bertitah, "Indonesia maseh jahat kerana ia menga d a k a n konfrantasi dengan tidak ada sebab."

Cheraian 10 dalam Bintang Harian, juga tidak betul.

Juruchakap itu berkata, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda ketika bertitah dalam bahasa Melayu telah menggunakan perkataan:

"Sebab Brunei tidak menyertai Malaysia ada banyak sebab2 nya dan satu daripadanya—Saya kasehkan kepada raayat saya untuk meletakkan bebanan yang berat, mithalan chukai kepada mereka."

Juruchakap itu sa-lanjut-nya menyatakan, Baginda tidak sekali2 bertitah bahawa Baginda tidak-lah ada halangan untuk menyertai Malaysia.



# Penyakit ayam dapat di-chegah

**BANDAR BRUNEI**— Penyakit ayam yang telah merebak di kalangan ternakan ayam di-negeri ini pada bulan lalu sudah berkurangan.

Beberapa buah perusahaan menternak ayam dan ayam2 yang di-pelihara di-kampung2 telah menjangkit penyakit tersebut, tetapi mujor juga jumlah kematian tidak begitu tinggi.

Ini di-sebabkan oleh usaha menyuntik ayam sa-chara besar2an yang di-lancharkan pada tahun lalu dalam mana hampir2 90 ribu ekor ayam telah di-berikan suntikan.

Pegawai Penyakit Haiwan, Awang C. V. Subramaniam berkata, dalam masa penyakit itu merebak, kakitangan2 dari jabatan-nya telah mengadakan lawatan ka-tempat2 perusahaan menternak ayam, sambil memberi nasihat kepada penternak2 itu tentang chara2

mengasingkan ayam2 yang sakit, dan mati dan memberikan suntikan menchegegah penyakit ayam itu.

Awg. Subramaniam berkata, penyakit ayam boleh di-chegah jika penternak2 ayam mengambil langkah2 penchegegahan.

Beliau menasihatkan penternak2 ayam supaya membeli anak2 ayam hanya dari sumber2 yang berseih, seperti penjual2 dan penternak2 ayam yang di-akui dan memastikan bahawa anak2 ayam itu telah di-berikan suntikan dengan ubat suntikan "F", ketika ia-nya berumur satu hari.

Anak2 ayam itu hendaklah di-suntik semula dengan suntikan biasa ketika berumur enam minggu.

## Jambatan ka-Residency telah di-buka

**BANDAR BRUNEI**. — Jambatan Bailey menuju ka-Jalan Residency di-Bandar Brunei telah di-buka kepada lalu lintas mulai dari hari Isnin lepas. Jambatan yang ada sekarang akan di-tutup sa-belum di-robohkan.

Sa-buah jambatan baru telah di-ranchangkan pembenaannya di-tapak jambatan yang ada sekarang itu. Ia-nya akan dibena lebeh besar daripada yang ada sekarang, sa-laras dengan ranchangan untuk memperbaiki perjalanan lalu lintas di-sepanjang Jalan Residency.

Jambatan Bailey itu hanya untuk jalan sa-hala pada satu masa. Beberapa penjaga isyarat akan di-tempatkan di-jambatan tersebut untuk mengawal perjalanan lalu lintas.

## Gunakan-lah

Bahasa

Melayu

Bahasa

Perpaduan

Kebangsaan

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 28 Jun, 1967 hingga ka-hari Selasa 4 Julai, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—*

| Hari    | Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---------|-------|--------|------|--------|------|-------|-------|-----------------|
| 28 Jun  | 12-29 | 3-49   | 6-40 | 7-52   | 4-38 | 4-53  | 6-10  |                 |
| 29 Jun  | 12-29 | 3-49   | 6-40 | 7-52   | 4-38 | 4-53  | 6-10  |                 |
| 30 Jun  | 12-29 | 3-49   | 6-40 | 7-52   | 4-38 | 4-53  | 6-10  |                 |
| 1 Julai | 12-29 | 3-51   | 6-41 | 7-52   | 4-38 | 4-53  | 6-11  |                 |
| 2 Julai | 12-29 | 3-51   | 6-41 | 7-52   | 4-38 | 4-53  | 6-11  |                 |
| 3 Julai | 12-29 | 3-51   | 6-41 | 7-52   | 4-38 | 4-53  | 6-11  |                 |
| 4 Julai | 12-29 | 3-51   | 6-41 | 7-52   | 4-38 | 4-53  | 6-11  |                 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.*

## Rombongan suntuk ubat Kolera ka-Temburong

**TEMBURONG**. — Rombongan penyuntik ubat kolera dari Jabatan Perubatan dan Kasi-hatan telah berpindah ka-Temburong mulai dari 24 haribulan Jun untuk menyuntik orang ramai dengan ubat menentang penyakit kolera.

Rombongan tersebut akan melawat 56 buah sekolah dan kampung2 dalam daerah itu dan di-jadualkan akan menyempornakan tugas mereka dalam minggu ka-dua bulan Julai.

Suntikan ubat kolera sa-chara besar2an telah di-lancharkan di-daerah Brunei/Muara pada bulan lalu dan rombongan penyuntik2 sejak dari itu telah melawat hampir2 130 buah sekolah dan kampung.

Kempen yang berjalan sekarang untuk menyuntik orang ramai kerana menchegegah dari penyakit kolera ada-lah sebagai langkah berjaga2 sahaja. Setakat ini penyakit kolera masih belum munchol lagi di-Brunei.

## Amaran kepada pemandu2 motobot: Jangan laju di-kawasan Kampong Ayer

**BANDAR BRUNEI** — Pihak berkuasa Majlis Bandar Daerah Brunei telah melahirkan kebimbangan kerana sa-tengah2 pemandu motobot memandu motobot laju mereka dengan kelajuan yang lebeh2an di-dalam kawasan Kampong Ayer.

Sa-orang juruchakap Pejabat Daerah berkata, motobot2 laju itu menyebabkan gelombang2 ayer yang membahayakan di-belakang mereka.

Ketika ayer pasang, gelombang2 ini menchurahkan masuk ka-dalam lantai rumah2 di-kampung tersebut, menyebabkan kerumitan dan gangguan besar kepada penghuni2 rumah.

Juruchakap itu menggesa pemandu2 motobot supaya memandu dengan lebeh chermat dan dengan perlahan2 di-sepanjang perayeran Kampong Ayer terutama dalam masa ayer pasang.

## BANJIR: MEMUDAHKAN HILIR MUDEK DI-SUNGAI ULU BELAIT

**ULU BELAIT**. — Banjir akibat hujan lebat di-Ulu Belait telah memenohkan ayer Sungai Belait dan memudahkan perahu2 hilir mudik di-sungai itu.

Ulu sungai tersebut ada-lah terhalang oleh kayu2 balak yang tenggelam dan pelayaran di-sungai itu menjadi rumit ketika paras ayer berkurangan dalam masa musim panas kira2 masa ini pada tahun2 yang lampau.

Hujan yang telah turun di-Ulu Belait sa-lama kira2 satu minggu di-sifatkan berlaku di-luar musim dan di-jangka tidak akan menyebabkan sa-barang banjir besar.

Akan tetapi, sa-tengah2 kawasan yang terletak di-tempat2 rendah di-tepi2 tebing sungai

itu telah pun di-banjiri ayer.

Doktor yang menggunakan helikopter tidak dapat mendarat di-Sukang kerana tapak pendaratan helikopter dekat sungai itu telah di-penohi ayer. Doktor yang menggunakan helikopter telah melawat Sukang pada 26 Jun.

Sementara itu, sa-orang juruchakap pejabat daerah Belait berkata, pihak berkuasa daerah itu ada-lah berjaga2 tentang kemungkinan banjir berlaku di-kawasan Ulu Belait.

Tetapi setakat ini, tanda2 menunjukkan bahawa ayer akan surut dan tidak akan naik lebeh tinggi dari peringkat bahaya.

Juruchakap itu menyatakan, tidak terdapat sa-barang kerosakan ka-atas tanam2an atau pun binatang2 ternakan.

## Naskhah2 sejarah di-kehendaki

**BANDAR BRUNEI**. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Awg. Haji Umar menyeru kepada orang ramai supaya menghantar kepada pejabat-nya naskhah2 sejarah Brunei.

Dato Paduka Awang Haji Jamil berkata satu daripada tujuan dewan itu ia-lah untuk menyusun sejarah Brunei.

Dewan itu baharu2 ini telah mendapat perkhidmatan bebe-

rapa orang pensharah dan penuntut2 universiti Malaya untuk mnejalankan pengkajian di-negeri ini untuk mengeluarkan buku ilmu alam Brunei.

Dato Paduka Awang Haji Jamil berkata dewan itu telah pun mendapat beberapa buah naskhah sejarah Brunei.

Pengarah itu berkata kakitangan2-nya sedang mengkaji naskhah2 tersebut dan banyak lagi kerja perlu di-buat sa-belum sa-buah buku dapat disusun.





## Pesta Maulud: Pengetua Ugama puji kaum wanita yang chergas

**BANDAR BRUNEI**—Badan Penerangan Ugama Islam telah menganjorkan sambutan Pesta Maulud Nabi Mohammad s.a.w. sa-chara besar2an pada hari Khamis malam 22hb Jun, 1967 bertempat di-Dewan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dalam ucapan-nya antara lain merasa kagum melihat sambutan kaum ibu pada malam itu.

Menurut beliau, sa-minggu lalu beliau telah berucap di-majlis pembuka'an Kelas Bacha'an Al-Qur'an anjoran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei yang mana beliau ada mengatakan ia-itu "Kalau ada filem2 Hindustan di-tunjokkan di-panggung2, janganlah hendak-nya Kelas Bacha'an Al-Qur'an kosong".

Tapi shukor, nampak-nya

apa yang di-katakan sa-minggu lalu itu sudah mendapat perhatian besar dari kaum wanita khusus-nya, tegas beliau.

Di-akhir ucapan itu, beliau menegaskan bahawa semangat kaum wanita dalam membangun sa-buah negara dan meluaskan kesedaran beragama ada-lah sangat2 di-kehendaki, sa-bagaimana mesti-nya—kaum wanita (Ibu) itu ada-lah guru pertama kepada manusia2 di-dunia ini.

### PERPADUAN

Penguasa Penerangan dan Tabligh Awang Abdul Hamid bin Bakal di-ucapkan alu2an-nya kepada majlis telah menerangkan bahawa semangat perpaduan, bekerja sama dalam melaksanakan ajaran2 dan mendampingi perjuangan2-nya ada-lah sangat2 di-perlukan.

Sa-lanjut-nya kata beliau, ra'ayat Brunei sangat berun-

tong, kerana kerajaan Duli Yang Maha Mulia sentiasa memberi peluang kepada umat Islam atau yang bukan beragama Islam — di-ajak bersama mengikuti ajaran2 Islam demi kebahagiaan hidup di-dunia dan di-akhirat.

Antara achara2 yang menarik hati pada malam sambutan itu ia-lah peraduan membaca Berzanji.

Keputusan peraduan itu ada-lah seperti berikut:

**Johan Lelaki:** Pgn. Mohidi bin Pgn. Omar, dari daerah Brunei/Muara; **Naib Johan:** Awg. Morni bin Sanai dari daerah Belait, dan **Yang Ke-tiga:** Awg. Mukim bin Hassan dari daerah Brunei/Muara.

**Johan Wanita:** Dy. Nor'aini bte. Mudim Haji Adnan dari daerah Tutong; **Naib Johan:** Dy. Halimah bte. Sulaiman dari daerah Belait, dan **Yang Ke-tiga:** Dy. Siti Ara bte. Idris dari daerah Brunei/Muara.

## Sambutan Maulud di-Muara

**BANDAR BRUNEI.** — Perayaan2 Hari Keputeraan Nabi Mohammed s.a.w akan terus di-sambut di-negeri ini dalam beberapa waktu yang sesuai, pada peringkat kampung dan daerah.

Di-Muara pada hari Juma'at, 23 Jun lepas, kira2 700 orang umat Islam telah mengadakan satu perhimpunan perpaduan di-perkarangan masjid Muara.

Terdahulu sa-belum itu, mereka telah berarak dari Pekan Muara ka-masjid. Sementara itu pada hari yang sama juga perayaan2 yang sama telah diadakan di-Sengkuring dan Bunut.

Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Ali bin Awang Besar, ada-lah di-antara yang hadir di-upacara tersebut.

Gambar atas kelihatan antara peserta2 yang mengambil bahagian dalam perarakan di-Muara.

## BAKAL2 HAJI TAHUN DEPAN

**BANDAR BRUNEI.** — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mendaftarkan sa-banyak 379 permohonan dari orang2 Islam yang ingin hendak menunaikan fardhu Haji ka-Mekah pada tahun hadapan.

Pada tahun lalu, 236 orang Islam dari Brunei telah berangkat ka-Mekah.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, 75 dari pemohon2 itu telah meminta hendak pergi dengan kapal terbang.

Juruchakap itu menyatakan, orang2 Islam maseh mempunyai dua hari lagi hingga kepada 30 Jun untuk mendaftarkan diri kerana menunaikan fardhu Haji pada tahun hadapan.

**SITU**

INI MINGGU INI

KARANG ANI  
PAYAH MENJAGA  
ANAK...

PAYAH LAGI MENJAGA  
LAKI, DIDAPAN KETANI JUNYAK  
SAMUT PUN INDA MATI..

MATI SAMUT  
KARANA GULA

BAHASA MENUNJOKKAN BANGSA





28 JUN, 1967.

## MINGGU PELAJARAN

WAKTU ini kita maseh berada dalam lingkungan suasana Minggu Pelajaran yang amat penting bagi mengukir sa-jauh mana kemajuan pelajaran yang telah di-chapai oleh murid2 disepanjang hari persekolahan mereka.

Walaupun pernah di-katakan bahawa tujuan Minggu Pelajaran itu ia-lah untuk memperkenalkan kepada ibu bapa dan penjaga2 murid tentang apa yang telah di-buat anak2 mereka di-sekolah, namun pengertian-nya agak lebeh luas dari itu.

Bukan hanya satakat menyaksikan hasil2 kerja anak2 mereka, tetapi mereka di-beri peluang untuk mengemukakan sa-barang kemukilan alam pelajaran anak2 mereka. Kita menganggap bahawa jurusan ini-lah merupakan ruang istimewa kepada ibu bapa dan penjaga2 murid.

Umpama-nya, kebanyakan ibu bapa dan penjaga2 murid pernah mencurahkan sungutan2 mereka tentang kelemahan2 pelajaran anak2 mereka dan mereka tidak mengetahui di-mana pun-cha kelemahan itu.

Oleh itu, ibu bapa haruslah menggunakan sa-baik2-nya peluang yang terbuka itu dan apa yang terbuka di-kalbu, inilah waktu-nya untuk mencurahkan demi untuk kebaikan bersama dan demi untuk mengukuhkan semangat anak2 untuk lebeh menchantai ilmu pengetahuan yang amat penting dalam pergolakan dunia dewasa ini.

## Pemerasan di-Tamu

LANGKAH Lembaga Bandaran mengingatkan kepada pekebun2 kecil supaya jangan menjual hasil2 tanaman mereka kepada orang2 tengah di-Tamu telah dapat memberi ketenangan samula atas kegelisahan orang ramai terhadap ada-nya peristewa pemerasan di-Tamu.

Walau pun langkah Lembaga itu hanya merupakan "mengingatkan" saja, tetapi pengarah-nya telah dapat memainkan peranan bagi menghapuskan orang2 tengah menduduki di-petak2 yang di-sediakan di-kawasan Tamu itu.

Ini juga merupakan satu ancaman terhadap diri orang2 tengah itu yang sa-wenang2-nya melipat gandakan harga2 dagangan mereka yang pada mulanya di-angkat dari pekebun2 kecil dengan harga yang murah.

Berikutan dengan notis itu, sa-bilangan dari mereka telah memalu chuang sambil mengalunkan lagu2 irama sendiri lantas menganggap-nya sa-bagai menutup rezeki mereka.

Kerajaan sa-benar-nya tidak mempunyai niat langsung untuk menutup rezeki siapa2 pun, malah memberi peluang untuk mendapatkan rezeki itu asal saja dengan jalan yang halal. Tujuan utama mengadakan Tamu itu ia-lah memberi peluang kepada pekebun2 kecil untuk menjual hasil2 tanaman mereka kepada orang ramai dan dengan itu taraf hidup mereka akan beransor2 meningkat sesuai dengan chita2 Kerajaan.

## RANCHANGAN BARU PERPINDAHAN KG. AYER

# 800 keluarga akan pindah ka-darat

SATU ranchangan Kerajaan Brunei hendak menempatkan samula dalam jangka panjang keluarga2 Melayu di-Kampung Ayer nampak-nya mungkin menjadi satu projek perumahan luar bandar yang terbesar sa-kali pernah di-ranchangkan oleh Pegawai Perpindahan bagi Kampung Ayer.

Ia-nya bertujuan untuk memindahkan 800 keluarga dari Kampung Ayer ka-sabua kawasan sa-luas lebeh kurang 4,000 ekar yang terletak di-antara Jalan Muara dan laut dan di-antara Sungai Menglasut dan Sungai Meragang, kesemua-nya ka-sa-belah barat gagasan pelabohan ayer dalam Muara.

Ketua Pemberita Radio Brunei, Abdul Latif bin Mohammad, sa-lepas satu interbiu dengan Awang G. D. Becket. Pegawai Perpindahan bagi Kampung Ayer melaporkan:

Gagasan penempatan samula di-bawah Projek Sungai Meragang telah di-shorkan berikutan dengan berjaya-nya penganalaksanaan satu ranchangan yang tidak begitu besar di-Berakas yang kerana-nya kerajaan telah mengadakan wang untuk membiayai perbelanjaan bagi pembenaan rumah2 untuk keluarga yang di-pindahkan supaya mereka dapat hidup dengan sempurna.

Pegawai yang meranchangkan Projek Sungai Meragang, Pegawai Perpindahan bagi Kampung Ayer, Awang G. D. Becket berkata bahawa ranchangan2 permulaan telah di-buat mengenai projek itu dan satu ranchangan yang lengkap dengan butir2-nya akan di-usahakan apabila sahaja persetujuan di-terima dari kerajaan.

Ranchangan perpindahan bagi Kampung Ayer telah di-lancharkan dalam tahun 1952 di-sebabkan oleh keadaan yang bertambah sesak di-kalangan bangunan2 yang tidak begitu baik dan juga dari segi kesihatan di-kampung itu.

### SAMBUTAN DINGIN

Pada permulaan-nya projek ini mendapat sambutan dingin dari penduduk2 kampung kerana hanya 23 keluarga sahaja yang bersetuju pindah ka-Padang Bunut, ia-itu kawasan pertama di-bawah projek perpindahan yang letak-nya lebeh kurang 5½ batu dari Bandar Brunei di-tepi Jalan Tutong.

Galakkan untuk berpindah ka-darat sa-masa di-peringkat awal dan sa-hingga-lah projek Berakas di-lancharkan ia-lah pemberian kawasan2 tanah untuk mendirikan rumah sa-luas di-antara sa-tengah ekar di-Kampung Burong Pingai Baru hingga dua atau dua ekar sa-tengah di-Padang Bunut.

Penduduk2 jelas tidak begitu gemar untuk berpindah ka-darat kerana projek Padang Bunut itu hanya baru sahaja pada awal tahun ini berjaya menerima peruntukan-nya sa-ramai 28 keluarga.



AWANG G. D. BECKET

Di-Padang Bunut, kerajaan telah membahagi2kan tanah di-sana kepada kawasan2 untuk perumahan dan perkebunan dan yang baki-nya untuk menanam tanaman2 untuk di-buat makan. Kerajaan juga telah membena jalan2 raya dan parit2 tetapi telah membiarkan keluarga2 di-sana membena rumah2 mereka sendiri dengan wang pinjaman dari kerajaan atau pun dari sumbar2 kewangan mereka sendiri.

Sharat2 penempatan samula ada-lah sa-rupa bagi Kampung Burong Pingai Baru dan empat buah kawasan lain ia-itu Kampung Delima Satu, Kampung Pemancha Lama, Kampung Anggereek Desa dan Kampung Orang Kaya Besar Imas yang telah di-laksanakan sa-belum di-lancharkan projek Berakas.

Permohonan2 untuk berpindah tidak begitu banyak diterima pada mula-nya. Sa-lepas 10 tahun bergerak, chuma 197 keluarga dari Kampung Ayer menyambut tawaran kerajaan untuk berpindah ka-darat.

Enam puluh keluarga telah pergi ka-Delima Satu, 42 ka-Pemancha Lama, 50 ka-Anggereek Desa, 45 ka-Orang Kaya Besar Imas dan 48 ka-Burong Pingai Baru.

Galakkan2 tambahan yang di-adakan oleh Pejabat Perpindahan supaya dapat menentukan Projek Berakas itu akan

berjaya, telah menukarkan fikirannya tentang peluang baik yang di-dapati jika tinggal di-darat. Permohonan2 untuk di-tempatkan sa-mula telah chepat meningkat hingga Ag. Becket sekarang mulai menimbangkan untuk menchari satu kawasan lagi bagi menempatkan sa-mula keluarga2 dari Kampung Ayer.

Projek Berakas telah di-luluskan dalam tahun 1962 dan ranchangan-nya telah di-mulakan dalam tahun yang berikutan apabila, jalan2 raya, parit2 dan semua pekerjaan awal yang di-perlukan di-mulakan.

Projek Berakas telah di-ranchangkan mengikut satu dasar yang berlainan dari projek2 yang dulu ia-itu keluarga2 yang tiada mempunyai pekerjaan tetap dengan kerajaan telah di-berikan, sa-lain dari kawasan biasa sa-luas sa-tengah ekar untuk rumah, empat ekar kebun getah yang mengeluarkan banyak susu di-sabua ladang getah kerajaan yang berhampiran dengan kampung perpindahan itu.

### KEMUDAHAN2

Awang Becket dan kakitangan-nya yang tidak begitu ramai itu terdiri dari juru2 ukor dan pembantu teknikal. Mereka sentiasa bekerja keras dan telah berusaha penoh untuk menjadikan projek Berakas ini sa-bagai satu chontoh kampung perpindahan yang mempunyai semua kemudahan2 yang di-dapati di-sabua bandar kecil.

Perkembangan di-Berakas memerlukan sa-buah sekolah untuk 500 orang murid, sa-buah klinik dan sa-buah masjid, sa-buah balai raya, sa-buah balai polis dengan barek2-nya, sa-buah pasar dan kedai2, taman2 kanak2 dan padang2 permainan sa-buah rumah sakit dan sa-buah balai bomba.

Kebanyakan dari pekerjaan yang di-mulakan dalam tahun 1965 telah siap kechual pasar, balai polis dengan barek2-nya dan kedai2.

Projek Berakas ini menampung lebeh dari 100 keluarga, yang mana 37 dari-nya Pejabat Perpindahan telah membena rumah2 mereka yang berharga di-antara \$12,000 hingga \$18,000. Pendapatan dari kebun getah sa-luas 4 ekar yang di-toreh mereka ada-lah mem-

LIHAT MUKA 5



# 

**BANDAR BRUNEI**—Penasihat Daerah Bangsa2 Bersatu mengenai kajian jumlah penduduk dan perangkaan masharakat, Dr. Kurt Horstmann telah kembali ka-ibu pejabat-nya di-Pertubohan ECAFE di-Bangkok pada minggu lalu.

Beliau berada di-negeri ini sa-lama satu minggu untuk membincangkan dan menasihati kerajaan atas perkara2 yang ada hubungan-nya dengan usaha2 melancarkan satu penyiasatan kajian jumlah penduduk dan perangkaan masharakat di-Brunei.

Pada awal tahun ini kerajaan meluluskan kerja2 mengadakan kajian jumlah penduduk dan perangkaan masharakat yang akan di-jalankan oleh bahagian Ekonomi dan Sosial dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan, di-bawah pimpinan u m o m Penasihat Ekonomi

Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan, Dr. J. S. Gould.

Tujuan utama penyiasatan itu ia-lah untuk membekalkan kerajaan dengan jumlah penduduk asasi yang dapat di-persandarkan dan terbaharu sekali dan perangkaan2 masharakat serta ma'alumat2 yang berhubung dengan-nya, yang mustahak bagi menyediakan dasar2 dan ranchangan2 yang baik untuk perkembangan sosial dan ekonomi.

Persetujuan untuk penyiasatan serupa itu bermula pada tahun lalu.

Kerajaan kemudian-nya telah mendapatkan perkhidmatan singkat Awang P. S. Menon, Penasihat Daerah Bangsa2 Bersatu mengenai penyiasatan kajian jumlah penduduk dan perangkaan masharakat.

Sa-buah kenyataan Kerajaan menyatakan, keputusan untuk melancarkan penyiasatan kajian jumlah penduduk dan perangkaan masharakat itu adalah di-dasarkan sa-bahagian-nya kepada shor2 yang di-kemukakan oleh Awg. Menon.

Dalam masa sa-minggu Dr. Horstmann berada di-negeri ini, beliau telah berkunjung menemui pemangku Menteri Besar, pemangku Setia Usaha dan Pesuruhjaya Tinggi.

## 

Beliau telah juga berunding dengan beberapa buah jabatan mengenai chara2 dan sumber2 serta wujud-nya kajian jumlah penduduk dan perangkaan masharakat dan masalah2 untuk mendapatkan butir2 perangkaan tambahan yang berfaedah.

Dr. Horstmann telah melawat beberapa kawasan luar bandar untuk membiasakan diri beliau dengan keadaan2 yang ada perkaitan-nya dengan masalah2 itu yang mungkin di-tempoh dalam menjalankan penyiasatan tersebut.

Beliau telah juga mengkaji penyata2 mengenai banchi jumlah penduduk tahun 1960, banchi pertanian bagi tahun 1964, butir2 yang di-perolehi oleh projek penghapusan malaria serta peraturan2 yang di-gunakan dalam penyiasatan kajian ilmu alam yang telah di-jalankan baru2 ini oleh satu rombongan dari Universiti Malaya.

Kenyataan itu menambah, Dr. Horstmann akan menggunakan ma'alumat2 yang di-kumpulkan ketika beliau berada di-negeri ini untuk membuat shor2 mengenai chara2 yang paling sesuai bagi melaksanakan penyiasatan itu.

Dr. Horstmann akan datang ka-Brunei pada satu masa nanti dan ada-lah di-duga bahawa usaha mengadakan temu ramah yang sa-benar-nya dengan isi rumah akan di-mulakan pada satu waktu di-penghujung tahun 1967 atau pun dalam bulan Januari tahun 1968.

Kenyataan itu sa-lanjut-nya menyatakan, hasil2 terakhir dari penyiasatan tersebut akan dapat di-perolehi dalam tahun 1968.

## 

**BANDAR BRUNEI.** — Jabatan Pertanian telah menafikan yang ia-nya pernah menyatakan, bahawa Brunei sendiri hampir2 mencukupi dalam membekalkan ayam.

Ia-nya mengingatkan kembali sa-buah renchana oleh pegawai haiwan yang di-terbitkan oleh *Bintang Harian*, bahawa jauh dari mencukupi Brunei ada-lah sangat2 bergantung kepada negeri tetangga kerana bekalan ayam dan telur.

*Bintang Harian* minggu lalu menyatakan, bahawa tidak lama dulu Jabatan Pertanian telah mengemukakan yang Brunei sendiri mencukupi dengan bekalan ayam-nya.

Satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Jabatan Pertanian berkata, harga ayam ada-lah bergantung kepada harga makanan-nya. Kechuali harga makanan ayam turun, harapan amat-lah tipis bagi harga ayam akan turun.

Kenyataan itu berkata, langkah untuk mendapatkan turun harga itu pada masa ini tidak mungkin nyata, sedangkan tidak satu pun bahan2 di-antara kebanyakan ramuan yang menjadikan makanan ayam, seperti jagung, dedak beras dan gandum, kachah tanah, tepong ikan dan habok rumput dan sa-bagai-nya yang di-keluarkan untuk mencukupi di-negeri ini.

Kebanyakan dari perternakan ayam untuk di-jual, di-negeri ini, telah memulakan-nya dengan pengeluaran anak2 ayam, tetapi tidak lama kemudian mereka mengubah kepada pengeluaran telur, kerana mahal-nya harga makanan ayam dan kesulitan pasaran.

Harga bahan2 makanan ayam yang di-bawa masuk sekarang ini, tidak-lah seimbang kepada usaha khusus kerana pengeluaran ayam, dan menjual-nya dengan harga \$2.20 sa-kati.

Kadaan seperti itu di-sedari juga oleh negeri tetangga, ini dapat di-pandang dari harga ayam yang di-bawa masuk di-jual dengan harga 30 sen lebih tiap2 sa-kati, dari bulan lalu.

Dalam tahun lalu, Brunei membawa masuk 297,248 ekor, berbanding dengan 192,352 ekor dalam tahun 1965. Meskipun harga-nya naik jumlah impot ayam mungkin bertambah dalam tahun ini.

Kenyataan Jabatan Pertanian itu berkata, untuk mendapatkan bekalan yang mencukupi dengan harga yang berpatutan bagi pembeli2-nya, maka pengeluaran sa-tempat hendak-lah di-tambah bersama seimbang dengan makanan-nya yang di-perolehi.

Ini ada-lah tujuan Jabatan Pertanian dan ia-nya sedang mengatasi masalah itu menerusi satu chara yang tersusun.

## 

### 

bantu membayar pinjaman yang di-berikan oleh Pejabat Perpindahan.

Penduduk2 lain yang berpindah ka-sana itu ia-lah pegawai2 kerajaan dan dengan itu mereka telah mendapat pinjaman dari kerajaan untuk membina rumah masing2 mengikut taraf mereka dalam perkhidmatan kerajaan.

Ada-lah di-chadangkan bahawa Projek Sungai Meragang itu di-bahagikan kepada tiga bahagian. Kawasan perumahan akan di-penohi dengan kawasan2 rumah dengan di-khaskan juga kawasan2 untuk jalan2 raya, tanah2 lapang dan taman2 kanak2 dan jalan yang sesuai untuk pergi ka-pantai untuk memancing atau bersuka ria.

Satu kawasan bandar akan di-adakan juga di-mana tanah2 akan di-khaskan untuk sekolah, pasar, dan kedai2 dan tempat2 penarohan kereta. Di-dalam kawasan itu juga akan di-khaskan tanah untuk sa-buah rumah sakit, sa-buah masjid, sa-buah balai polis dengan barek2-nya, sa-buah balai raya, sa-buah balai bomba dan pejabat2 dan rumah2 untuk beberapa orang pegawai kerajaan telah juga di-ranchangkan dalam projek Sungai Meragang.

Satu tapak dalam kawasan bandar akan juga di-khaskan untuk sa-buah panggong wayang yang akan di-bena oleh perusahaan persendirian.

Baki tanah di-sana akan di-gunakan untuk pertanian, tetapi sama ada ia-nya akan di-usahakan sa-chara bersendirian sa-luas 4 ekar seperti di-projek Berakas atau pun sa-

bagai satu gerakan sharikat kerjasama maseh belum di-di-tetapkan.

Dengan kesemua tanah di-bawah projek Berakas telah di-penohi, jumlah keluarga yang telah meninggalkan kampung turun temurun mereka di-Kampung Ayer sekarang berjumlah 364 keluarga yang mengandongi kira2 1,800 orang lelaki, perempuan dan kanak2.

Dengan permohonan untuk di-tempatkan sa-mula melebihi dari kesanggupan projek Sungai Meragang, maka Pegawai Perpindahan sekarang sedang mulai menchari kawasan2 yang sesuai untuk menempatkan sa-mula keluarga2 di-Kampung Ayer itu.

Harus juga kawasan yang letak-nya di-antara Berakas dan Jerudong, sungguh pun kechil sedikit dari projek Sungai Meragang, akan di-ambil dan di-jadikan satu lagi projek penempatan sa-mula.



Gambar atas menunjukkan rumah2 yang di-bena di-kawasan perpindahan Berakas.



# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## DI-JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

(a) PEGAWAI KECIL  
TEKNIK JAWATAN  
RENDAH (5 kekosongan).

KELAYAKAN2:

Lulus Darjah IV Melayu atau Sijil Rendah Pelajaran. Pengalaman mengenai kerja2 di-studio akan di-beri keutamaan.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$200x10 - 230/240x10 - 270/280x10 - 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PEMBANTU TEKNIK  
TINGKAT III (4 kekosongan).

KELAYAKAN2 DAN  
PENGALAMAN:

Lulus Form III atau Brunei Junior atau kelayakan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian (credit) dalam Ilmu Sains dan Ilmu Hisab. Mereka yang mempuny-

nyai Sijil City and Guilds dalam perkara2 berkaitan dengan Radio akan dapat kelebihan.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$210x10 - 260/270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon2 yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Pemohon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau yang berhak di-daftarkan sa-demikian akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

BAKSIS:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Julai, 1967.

## SA-BAGAI KERANI BAHAGIAN "B I" TINGKATAN KHAS

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi satu jawatan kosong sa-bagai Kerani Bahagian "B I" Tingkat Khas di-Pejabat Buroh, Brunei.

KELAYAKAN2 DAN

PENGALAMAN:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Senior Cambridge dan berpengalaman dalam perkara2 perburohan. Pengetahuan dan pengalaman dalam kerja2 yang berkaitan dengan Pertubuhan Buroh Antara Bangsa ada-lah satu keistimewaan.

GAJI:

Dalam sukatan gaji C. 1 EB 2 - \$570x30 - 630/EB/660x30 - 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa per-

## SA-BAGAI TUKANG MASAK DAN PEMBERSEH KEBUN

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Balai Polis Daerah Temburong dan Labi. Hanya mereka2 yang tinggal di-daerah ini di-kehendaki memohon.

(a) SA - B A G A I TUKANG MASAK (1 jawatan di-Temburong dan 1 jawatan di-Labi).

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$200x5 - 220 sa-bulan.

KELAYAKAN2 DAN

PENGALAMAN:

Pemohon2 mesti-lah dari orang2 Melayu, berumur diantara 30 dan 45 tahun dan berpengalaman memasak di-Mess/Kantin dan di-kedai2 makan.

(b) SA - B A G A I TUKANG PEMBERSEH KEBUN (2 jawatan di-Labi).

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$160x5 - 175/EB/180x5 - 195 sa-bulan.

Chuti dan tambang ada-lah mengikut syarat2 Kerajaan yang ada sekarang.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 18 Julai, 1967.



Awang K. G. Malet

## ANAK2 GETAH YANG BAIK DI-BERI PERCHUMA KAPADA PELADANG2

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian mengemukakan bahawa pekebun2 kecil sebarang ini boleh mendapatkan anak2 getah yang baik mutunya, jenis TJI di-tempat semaian anak2 getah Berakas.

Anak2 getah itu akan di-berikan perchuma dengan bajanya dengan syarat tanah yang akan di-gunakan sesuai dan siap bagi penanaman. Pusat semaian anak2 getah itu akan memberikan perchuma tunas kayu chantom yang akan mengeluarkan hasil baik untuk di-chantumkan dengan anak2 getah jenis TJI itu, sa-bagai getah kahwin.

Pembahagian sa-chara perchuma anak2 dan tunas getah itu ada-lah sejajar dengan langkah Jabatan Pertanian untuk menambahkan hasil pengeluaran getah di-negeri ini.

Dalam masa beberapa tahun yang lalu, pengeluaran hasil dari 1,436 tan dalam tahun 1962 kepada 644 tan dalam tahun yang lalu.

Ini ada-lah di-sebabkan semakin turun-nya harga yang hingga sekarang harga sa-kati getah kira2 60 sen, dan ini tidak akan memberikan keuntungan untuk menoreh pokok2 getah lama yang kurang mengeluarkan hasil susu getah.

Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet telah menasihatkan pekebun2 kecil supaya mengambil peluang tawaran Jabatan Pertanian memberikan perchuma anak2 dan tunas getah itu.

Ada-lah di-anggarkan bahawa pekebun kecil yang dikatakan mempunyai 12 ekar tanaman getah yang baik, boleh mendapatkan hasil kira2 \$1,000 sa-bulan, di-dasarkan kepada harga getah 50 sen sa-kati.

## Sa-bagai Bidan di-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari mereka yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Bidan di-Pusat Perkhemahan Askar Melayu Di-Raja Berakas KELAYAKAN2:

Mesti-lah mempunyai pengalaman sa-bagai Bidan yang berkelayakan selama dua tahun.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$200x10 - 230/EB/230x10 - 270.

Tempat kediaman, pakaian2 seragam dan dhobi perchuma akan di-sediakan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Julai, 1967.

## Kursus pertanian

KUALA BELAIT. — Kursus pertanian telah di-adakan di-Kampong Merangking di-Ulu Belait. Kursus itu telah di-mulakan pada 26 Jun.



## PERTAMA KALI DI-ANJORKAN PERLAWANAN TINJU ANTARA MURID2

**BANDAR BRUNEI.** — Saramai 44 orang pemuda dari sekolah2 Melayu dan Inggeris di-negeri ini akan mengambil bahagian dalam perlawanan tinju antara murid2 sekolah bagi kali pertama di-jadualkan berlangsung di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pada 30 Jun.

Setianusaha Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei Awang Palaniandy berkata, semua ahli2 tinju hendak-lah melaporkan diri kepada pegawai perubatan persatuan kerana menjalani pemeriksaan pada pagi 30 Jun.

Hanya mereka yang didapati sehat oleh pegawai perubatan akan di-benarkan mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Awang Palaniandy berkata, perlawanan itu akan memberikan peluang kepada pemuda2 untuk menunjukkan kemahiran mereka dalam bidang tinju dan menanamkan perasaan berani kepada mereka untuk mengambil bahagian dalam perlawanan antara bangsa.

## Sepak Raga Jaring anjonan PGGMB Sambutan Hari Keputeraan DYMM ke-51

**BANDAR BRUNEI.** — Satu perlawanan Sepak Raga Jaring telah di-ranchangkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu, sebagai satu acara kerana menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang ke-51, dalam bulan September tahun ini.

Pertandingan yang keempat anjonan Persekutuan Guru2 Melayu itu ada-lah terbuka kepada jabatan2 kerajaan, kelab2, sekolah2 dan persatuan2.

Pertandingan itu akan di-bahagikan kepada dua kumpulan ia-itu "A" dan kumpulan "B".

Persatuan2, kelab2 jabatan2 kerajaan dan sekolah di-benarkan memasoki dua pasukan ia-itu satu bahagian "A" dan satu lagi bahagian "B".

Permohonan kepada Pengarah Sokan, di-alamatkan Persekutuan Guru2 Melayu akan ditutup pada 29 Jun, ia-itu esok.

## Pengakap2 Daerah Brunei akan adakan Minggu Kerja mulai hari ini

**BANDAR BRUNEI**—Jawatankuasa Kerja Persatuan Budak2 Pengakap Daerah Brunei dalam sidang-nya baru2 ini telah memutuskan bagi mengadakan ranchangan Minggu Kerja, yang di-chadangkan oleh persatuan itu untuk di-lancarkan mulai hari ini.

Minggu Kerja itu ia-lah untuk memungut derma untuk membeli kelengkapan2 bagi pergerakan pengakap di-dalam daerah Brunei/Muara.

Sa-orang juruchapak persatuan itu berkata, khemah2 baru, perkakas2 dan lain2 kelengkapan ada-lah di-perlukan untuk di-gunakan oleh pasukan2 baru yang telah di-bentuk di-daerah itu.

Persatuan Pengakap telah memungut sa-banyak \$1,200 ketika ia-nya melancarkan minggu kerja pada tahun lalu. Pada tahun ini persatuan itu

berharap akan dapat memungut sa-banyak \$2,000.

Sa-panjang minggu kerja itu, budak2 pengakap akan melawat ka-rumah2 dan memberikan tenaga sukarela untuk menjalankan kerja2 seperti membasoh kereta, memotong rumput, mengechat rumah dengan upahan sa-banyak saringan.

Wang ini akan di-tulis oleh penduduk rumah itu dalam kad minggu kerja yang akan di-bawa bersama oleh pengakap2 itu untuk mengenalkan diri mereka.

## PEMERASAN DI-TAMU: PEKEBUN2 KECHIL DI-INGATKAN JANGAN JUAL HASIL2 TANAMAN KAPADA ORANG2 TENGAH

**BANDAR BRUNEI.** — Lembaga Bandaran Brunei telah mengingatkan pekebun2 kecil terhadap penjualan hasil tanaman mereka kepada pedagang2 di-tamu Jalan Pretty, Bandar Brunei.

Satu kenyataan oleh Lembaga Bandaran baru2 ini berkata, tujuan di-adakan tamu ia-lah untuk memberikan tempat kepada pekebun2 kecil menjual hasil2 mereka.

Tamu telah di-adakan dengan tujuan bahawa pekebun2 kecil menjualkan hasil tanaman mereka kepada orang ramai yang datang membeli-nya.

Kenyataan Lembaga Bandaran itu menyatakan, jika

pekebun2 kecil memberikan kesempatan kepada orang tengah membeli-nya, maka harga penjualan itu akan di-permainkan dan tujuan di-adakan tamu itu menjadi tidak berfaedah.

Ia-nya meminta orang ramai yang datang membeli supaya tidak membeli hasil kampung yang di-jualkan kepada pedagang2 di-tamu. Ia-nya juga mengingatkan kepada pedagang2 supaya jangan mengambil tempat menjual, di-tamu.

Kenyataan itu menyeru ketua2, penghulu2 dan wakil2 yang di-pilih supaya menasihatkan kepada pekebun2 kecil supaya jangan menjual hasil mereka kepada orang tengah di-tamu.

Gambar bawah suasana membeli belah di-Tamu Bandar Brunei.

## Sumbangan majallah2 dan buku2 bagi bachaan penghuni2 asrama orang tua

**SERIA.** — Lembaga Pentadbir Asrama Orang Tua di-Seria merayu kepada orang ramai supaya menyumbangkan majallah2 dan buku2 yang telah di-gunakan untuk pembachaan dan penghiboran penghuni2 asrama itu.

Pengerusi Lembaga, Dato P. A. Coates berkata, bahan2 bachaan dalam bahasa China amat-lah di-perlukan kerana sebahagian besar dari penghuni2 asrama terdiri dari orang2 China.

### KELAKUAN

Dato Coates berkata, lembaga tersebut dalam meshuarat-nya minggu lalu memandang berat satu aduan yang menyatakan bahawa sa-orang penghuni asrama telah tidak berkelakuan baik di-Bandar Seria.

Penghuni2 yang maseh chergas ada-lah di-benarkan menurut peraturan2 asrama untuk keluar dua kali sa-hari ia-itu selama dua jam di-sabelah pagi dan tiga jam di-sabelah petang.

Dato Coates menambahkan, mana2 penghuni yang di-dapati mabok atau mengemis di-dalam bandar akan di-batalkan keistimawaan mereka untuk keluar dari asrama di-masa hadapan dan akan di-tempatkan di-asrama sahaja.





# Sambutan Maulud Nabi di-Daerah Belait berjaya

SERIA. — Lebih dari 3,000 orang umat Islam di-Daerah Belait telah membanjiri Padang Arena Sokan di-Seria kerana merayakan sambutan Hari Keputeraan Nabi Besar Mohammad s.a.w. di-daerah itu, yang telah di-langsungkan pada hari Ahad lepas.

Dalam sambutan itu, satu perarakan besar yang di-ambil bahagian oleh kira2 1,500 orang telah berarak mengelilingi Pekan Seria yang di-dahului oleh Pasokan Pencharagam Askar Melayu Diraja Brunei dengan memainkan beberapa buah lagu perbarisan.

Untuk menambahkan semangat perarakan itu, pasokan Pencharagam Pulis Diraja Brunei pula telah mengambil bahagian di-tengah2 dretan perarakan itu.

Sa-banyak 34 pasokan, saparoh daripada-nya kaum perempuan yang terdiri dari pasokan2 Orang2 Kampong, Jabatan2 Kerajaan, Pelajar2 Kelas Dewasa Ugama, Murid2 sekolah2 Rendah, Menengah dan Maktab telah mengambil bahagian dalam perarakan itu sambil membawa chogan2 kata yang memuji2 kebesaran Nabi dan menjunjung kuasa Tohan yang maha asa.

## SELAWAT

Turut serta dalam perarakan itu ia-lah ahli2 jawatankuasa sambutan tersebut yang antaranya kelihatan Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pgn. Haji Ismail dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Perarakan itu telah di-mula dengan selawat dan sa-jurus kemudian di-ikuti dengan tembakan meriam 12 das.

Sa-telah mengelilingi Pekan Seria, perarakan itu telah berkumpul di-Padang Arena untuk mengikuti ucapan2 dan sharahan2 khas serta upacara menyampaikan hadiah2 kepada pasokan2 yang berjaya.

Setia Usaha sambutan itu, Awang Mahali bin Haji Abdullah dalam ucapan-nya telah memberikan ucapan tahniah kerana semangat beragama yang telah di-tunjukkan oleh penduduk2 Daerah itu.

Pegawai Daerah Belait, Pgn. Momin selaku Pengerusi sambutan itu telah mensifatkan semangat beragama yang di-tunjukkan oleh penduduk2 Islam di-daerah itu sa-bagai pengurbanan yang mempunyai nilai2 yang tinggi.

Beliau menyeru mereka supaya memelihara semangat per-

paduan yang sedia ada demi menguatkan lagi perkembangan Ugama Islam sa-bagai Ugama Rasmi negara.

Sementara itu, Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pgn. Muda Dato Paduka Kemaluddin telah memberi kepujian kepada peserta2 yang mengambil bahagian dalam perarakan itu, terutama pasokan2 Kelas2 Dewasa Ugama lelaki dan perempuan.

Pelajaran Dewasa Ugama di-Daerah Belait, tegas beliau, telah mencapai ka-satu tingkat kemajuan yang gemilang dalam berbagai2 lapangan ke-ugamaan.

## PENGETAHUAN

Beliau menegaskan, semangat ingin menuntut ilmu ugama yang di-tunjukkan oleh pelajar2 Dewasa di-seluruh negeri dewasa ini ada-lah menunjukkan betapa besar minat mereka untuk meluaskan pengetahuan bagi melengkapkan diri mereka sa-bagai Umat Islam yang sejati.

Kerajaan, jelas beliau, adalah mengalu2kan semangat seperti itu dan mengharapkan akan lebih ramai lagi penuntut2 kelas Dewasa Ugama untuk mendapatkan peluang belajar yang di-berikan dengan per-chuma itu.

Sharahan khas maulud telah di-sampaikan oleh Shahibol Fadzilah Mufti Kerajaan Brunei, Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

## Bilangan murid makin bertambah

BANDAR BRUNEI. — Penolong Pengelola Pelajaran Melayu, Awang Hussein bin Mohammed Yusof berkata, hampir2 3,000 orang kanak2 telah di-daftarkan, untuk memasuki ka-sekolah2 Melayu tahun hadapan.

Pendaftaran memasuki sekolah tersebut, di-jadualkan ditutup pada 15 Julai, bagi kanak2 yang di-lahirkan sebelum 1 Julai, 1962.

Awang Hussein berkata, untuk menempatkan murid2 baru, maka Jabatan Pelajaran telah merancang pembenaan enam buah sekolah rendah baru di-Bahagian Brunei Satu.

Sekolah2 yang di-ranchangkan, kebanyakannya bagi kanak2 yang diam di-Kampung Ayer akan di-bena di-Kampung Tamoi, Kampung Burong Pingai Ayer, Kampung Setia, Kampung Ujong Tanjung, Kianggeh dan Kumbang Pasang.

Awang Hussein berkata, pendaftaran ka-sekolah Melayu telah bertambah dari sa-tahun ka-setahun. Tahun lalu sahaja 2,864 pendaftaran sementara dalam tahun sebelumnya sa-banyak 2,736 pendaftaran.

Kata-nya, jumlah pendaftaran ka-sekolah2 Melayu di-seluruh negeri sekarang meningkat kepada 19,341, dari jumlah ini lebih dari 9,000 kanak2 perempuan.

Dari semenjak kelas2 menengah Melayu di-adakan di-negeri ini hampir2 3,000 orang murid sekarang belajar di-kelas2 tersebut di-seluruh negeri. Kebanyakan dari mereka belajar di-Sekolah Menengah Melayu Pertama, SMMP di-Bandar Brunei.



Poster mendapat hadiah pertama

## MELUKIS POSTER MINGGU PELAJARAN 3 PENUNTUT SMMP BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang penuntut dari Sekolah Menengah Melayu Pertama Bandar Brunei telah memenangi hadiah pertama, kedua dan ketiga dalam peraduan melukis poster untuk sambutan Minggu Pelajaran bagi Sekolah2 Melayu seluruh negeri tahun ini.

Mereka itu ia-lah Ismail Bolhassan penuntut tahun I memenangi hadiah pertama; hadiah kedua di-menangi oleh Abu Bakar bin Abdul Rahman penuntut tahun III dan hadiah ketiga di-menangi oleh Md. Tahir bin Jaludin penuntut tahun II.

Majlis penghakiman peraduan itu telah di-langsungkan di-Dewan Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Brunei dalam minggu lalu.



Gambar atas ia-lah sa-bahagian peserta2 yang megambil bahagian dalam perarakan Maulud di-Seria yang juga terdapat pasokan hadhran yang ahli2-nya mengandogi orang2 dewasa, kanak2 lelaki dan perempuan.



# GAMBAR2 SAMBUTAN HARI MOHAMMAD s.a.w. DI-BA



Timbalan Sultan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Pegawai Daerah, Awang Ali bin Awang Besar dan Pengetua Hal-Ehwal Uagama dalam sambutan Maulud Nabi di-Bandar Brunei.

SAMBUTAN Hari Keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. di-Daerah Brunei dan Muara pada minggu lalu telah menunjukkan betapa erat-nya perpaduan yang telah di-tunjukkan oleh umat Islam di-negeri ini dalam memperingati perjuangan Nabi Besar Mohammad s.a.w. untuk menegakkan kesucian Uagama Islam.

Sempena mengingati Hari Keputeraan baginda itu, satu perarakan yang besar yang telah di-ambil bahagian oleh kira2 6,000 orang umat Islam lelaki dan perempuan telah berjalan dengan penoh semangat walau pun chuacha burok dan hujan turun renyai2.

Sa-tengah2 peserta yang berarak itu mensifatkan keadaan chuacha tersebut sa-bagai "rahmat" yang menyebabkan perarakan berjalan dengan licih dan terator dan tidak banyak kejadian2 pening dan pingsan berlaku saperti tahun yang lalu.

Dalam perarakan itu juga, tahun ini merupakan tahun yang pertama-nya kum wanita bagitu ramai mengambil bahagian sambil mengusong chogan2 kata.

Di-antara pasokan2 perarakan yang menarik perhatian orang ramai ia-lah pasokan dari Kesatuan Buroh Kerajaan yang telah di-wakili oleh 150 orang peserta ia-itu bilangan peserta yang paling ramai sa-kali.

Dalam perarakan yang berjalan sa-juah kira2 dua batu itu Pasokan pencharagam Pulis Diraja Brunei dan kumpulan Pasokan Askar Melayu Diraja

Brunei dan pen ngambil bahagian berakhir di-Padan


Sa-masa perhimpunan Padang Besar ini Teramat Mulia ran Pemancha

Yang Teramat lahirkan rasa gembira hawa Hari Ke-12 Mohammad s.a.w. bagai satu peristiwa perpaduan keugamaan Islam di-negeri ini


Untuk mengingati paduan itu, Yang Teramat dengan seruan kepada orang2 Islam di-negeri ini patoh kapada aja s.a.w. dan menjiwai selaras dengan chogan2 menunjukkan oleh B



Pasokan Pencharagam Pulis Diraja Brunei turut mengambil bahagian bagi mengawal perbarisan.



Kaum perempuan tidak ketinggalan untuk mengambil bahagian.



Di-depan ia-lah Pasokan Kesatuan Buroh Kerajaan Brunei yang turut berarak sa-chara sukarela.



Ini-lah chogan kata yang di-arak oleh pasokan Gabenor Jalan Tutong yang mendapat hadiah



# KEPUTERAAN NABI NDAR BRUNEI

perarakan-nya telah me-  
yang di-mulakan dan  
g Besar Bandar Brunei.  
punan orang ramai di-  
Timbalan Sultan Yang  
eri Paduka Duli Pengi-  
ah memberikan sabda.  
t Mulia itu telah me-  
mbira menyaksikan ba-  
puteraan Nabi Besar  
itu telah di-jadikan sa-  
wa untuk menunjokkan  
naan di-kalangan umat  
i.  
kan lagi semangat per-  
g Teramat Mulia ber-  
noh harapan supaya  
egeri ini akan sentiasa  
ran2 Nabi Mohammad  
adikan hidup mereka  
ontoh2 yang telah di-  
aginda.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka  
Timbalan Sultan juga mengingatkan  
umat Islam supaya ta'at kepada peren-  
tah2 Allah dan menuntut ilmu sesuai  
dengan ajaran2 Islam.

Perarakan itu telah di-bahagikan ka-  
pada lima bahagian dengan di-akhiri  
dengan ucapan2 dan do'a selamat serta  
menyampaikan hadiah2 oleh Pemangku  
Menteri Besar, Yang Amat Berhormat  
Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md.  
Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.


Pemenang2 dalam perarakan itu ia-lah  
Gabungan Kampong2 Telanai, Mediwa,  
Bengkuring dan Tasek Meradun; baha-  
gian lelaki S.M.M.P.; Bahagian Perem-  
puan, Sekolah Menengah Arab Raja  
Isteri Anak Damit; Bahagian Kanak2  
Sekolah Lelaki; Sekolah Arab Hassanah  
Bolkiah dan Bahagian Kanak2 Sekolah  
Perempuan; Sekolah Tinggi Perempuan  
Raja Isteri "A" (S.T.P.R.I.).




Antara yang ikut dalam perarakan itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pen-  
giran Bendahara, Penolong2 Menteri, Pengetua Hal-Ehwal Ugama Brunei dan Pengarah  
Dewan Bahasa dan Pustaka.




ahagian dalam perarakan itu.



Guru2 di-sekolah Menengah Melayu Pertama (SMMP) kelihatan meng-  
usong sepandok yang membayangkan persaudaraan Islam di-seluruh  
dunia.



an Lima buah kampong di-  
a pertama.



Pasokan2 sekolah2 bahagian perempuan kelihatan sedang ber baris dengan penoh semangat.





Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan di-perkenakan kepada ketua2 pasukan yang mengambil bahagian.



Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bolkiah (No. 2 dari kanan) ia-lah Ketua Pasukan Maktab SOAS bahagian rendah.



Murid2 perempuan di-sekolah2 rendah telah juga turut serta dalam perarakan tersebut, walau pun mereka maseh kecil2 lagi.

Dg. Siti Ara binte Idris, Naib Johan membaca Koran seluruh negeri pada tahun lepas telah memperdengarkan bacaan-nya di-sambutan Maulud di-Bandar Brunei.



Mufti Kerajaan Brunei Shahibol Fadzilah Tuan Haji Ismail sedang menyampaikan sharahan khas Maulud, sementara jempunan2 kehormat sedang asheh mengikutinya.



Yang mengarak bentuk bangunan masjid ini ia-lah Pasukan Maktab Perguruan Melayu Brunei.



Penuntut2 perempuan Maktab Perguruan menunjukkan semangat chintakan agama dengan penuh keredzaan.



Ahli2 jawatan kuasa sambutan Maulud mengepai perarakan dengan tidak mengira hujan.



Satu lagi pemandangan diretan perarakan2 yang di-saksikan oleh beribu2 orang ramai.



Di-antara penuntut2 yang di-jangka paling ramai sekali menyaksikan perarakan itu ia-lah kaum Ibu.